

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

30 HORMATI KEPELBAGAIAN BUDAYA

MAR



PULAU PINANG, 28 Mac 2015 – Mahasiswa dan rakyat negara ini perlu menghormati kepelbagaian budaya yang ada dalam mengekalkan keharmonian yang ada.

"Sebagai rakyat Malaysia terutamanya, kita semua perlu menghormati kepelbagaian budaya yang ada dalam semangat perkongsian budaya antara satu sama lain yang patut kita banggakan selama ini," kata Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr. Adnan Hussein.



Berucap dalam program Karnival Bahasa Tamil "Kavipaadum Thendral 2015" kali ke-3 peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan Kebudayaan India USM di sini, Adnan berkata melalui inisiatif yang dilaksanakan seperti pertandingan ini, sedikit sebanyak nilai kesusasteraan India dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan masyarakat dari pelbagai latar belakang yang berbeza.

Program ini memberi penghormatan kepada penyair Tamil terkenal dunia dari India selatan iaitu Mahakavi Chinnaswami Subramania Bharatiyar. Program yang dihadiri oleh 400 orang peserta terdiri dari pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan juga institusi pengajian tinggi di negara ini turut mempertandingkan 4 kategori utama iaitu puisi, menulis cerita pendek, pengucapan awam dan pertandingan kuiz sasteraan Tamil dalam memperingati sumbangan Mahakavi kepada dunia dalam bidang puisi Tamil dengan mempertandingkan Piala Subramani Bharati dan wang tunai.



Pengarah Program Baarathi Rajan berkata penganjuran program untuk tahun ini amat mencabar namun berjaya menghadapinya dengan baik melalui kerjasama semua pihak dan kerja berpasukan.

"Kami berharap usaha ini dapat mempromosikan kesusasteraan India melalui program seperti ini," kata Baarathi Rajan.

Hadir sama ialah Penasihat Persatuan Kebudayaan India, Dr. Selvakumar Manickam. Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah / Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015